

# Malaysia kaji dulu aspek kesesuaian sebelum beli jet pejuang Russia

LANGKAWI 15 Nov. - Malaysia akan mengkaji terlebih dahulu aspek kesesuaian sesebuah pesawat pejuang- atau kapal terbang pengangkut buatan Russia sebelum membuat keputusan untuk membelinya.

"Kita boleh kaji apa yang sesuai bagi kita dan sekiranya secocok dengan tawaran mereka, apa salahnya kita membeli," kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjawab pertanyaan pemberita di sidang akhbar di hari terakhir LIMA '91.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Russia sekarang ini bukan lagi negara komunis kerana ia telah menolak fahaman komunis. "Benderanya sekarang pun bukan bendera komunis," katanya mengulas tentang keghairahan Russia untuk menjual pesawat-pesawat pejuangannya yang dipamerkan di LIMA '91 kepada Malaysia.

"Apa salahnya kita membeli barangan komunis asalkan bersesuaian dengan kepentingan kita," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tertarik dengan keistimewaan kapal terbang pengangkut Antonov-124 dan jet pejuang Sukhoi SU-27 kerana kecanggihannya.

"Kita beli sesebuah kapal terbang bila ada keperluan. Kita beli bukan untuk berseronok-seronok, tetapi untuk pertahanan," terangnya.

"Kita bukan hendak berperang dengan mana-mana negara. Kita tidak ada F-16, tetapi negara jiranada, oleh itu pembelian sesebuah kapal terbang ialah untuk mempertahankan diri," ujarnya.

Beliau berkata sebagai contoh, Malaysia terpaksa membatalkan pembelian pesawat pejuang Tornado kerana terlalu mahal, sebaliknya memilih Hawk yang lebih murah dan sesuai.